

# Tuhan Yang Maha Esa

Menurut Kupasan Ahli-ahli Falsafah Timur dan Barat

Tuhan yang Maha Kuasa ialah Pencipta segala yang ada. Tidak ada kuatkuasa yang tidak berasal dari Tuhan. Seperti yang tersimpul di dalam kalimah: *Lā hawla wa lā quwwata illā billāhi al-‘alīyyu al-‘aẓīm*. Demikian antara lain, huraian Dr Priyana yang kita turunkan khulasahnya di sini – P.Q.

(Oleh: Dr Priyana Suria Dipora)

Pendahuluan:

Menggambarkan sesuatu ialah membandingkan sesuatu itu dengan yang lain, akan tetapi dalam ayat 11 dari surah *al-Shūrā* disebutkan “...tidak sesuatu dapat dibandingkan dengan Dia (Tuhan)”. (*Laysa kamithlihi shay’ wa huwa al-samī’ al-baṣīr*)

Berhubung dengan ini maka usaha saya untuk menggambarkan Tuhan, sebenarnya menyalahi ayat Quran itu, akan tetapi dengan keyakinan, bahawa huraian saya ini berkesimpulan nanti, bahawa Tuhan, sebenarnya tidak dapat digambarkan. Oleh kerana itu saya memaksa diri untuk menjawab menggambarkan Tuhan dengan tujuan supaya bangsa kita kemudian tidak menganut aliran atau pandangan hidup yang sesat. Ada pun keterangannya ialah sebagai berikut:

Dalam zaman ilmu pengetahuan tumbuh dengan suburnya dan banyak selubung rahsia alam dapat dibuka, di dunia Barat, kebetulan di kalangan ahli-ahli ilmu pengetahuan tumbuh suatu aliran yang berpedoman kepada keadaan-keadaan yang nyata, yang berjasad, yang berfaedah dan yang nisbi (*relatief*), aliran mana dinamakan *Positivisme*.

Kita sekalian mengetahui, bahawa aliran *positivisme* akhirnya membunuh kepercayaan terhadap adanya Tuhan yang mengatasi sekalian yang diadakan olehnya, kebetulan di kalangan mereka yang tenggelam di dalam *Enthousiasme* menyelidik dan

tenggelam di dalam kegemilangan daripada hasilnya. Bukti daripada matinya kepercayaan kepada adanya Tuhan oleh kaum *Positive* ialah “Waham Cita” (Waanidee) dan sumur tanpa dasar, dengan kebohongan dan khayal, pertentangan dan kesimpulan-kesimpulan palsu.

Oleh kerana golongan umat manusia ini semestanya disebabkan oleh aliran *Positivisme* termasuk juga semua aliran *Materialisme*. Dan *Positivisme* – seperti yang telah diterangkan – tumbuhnya sebagai akibat daripada ilmu pengetahuan *exact* dan *tehnik*. Maka untuk membuktikan adanya Tuhan, kita wajib mempergunakan tinjauan dan *method* yang lazim dipakai di dalam ilmu pengetahuan, supaya golongan yang telah tenggelam dalam *Positivisme* dapat menerima huraian ini.

## Pandangan Metafizik

### Tentang Tuhan

Tiap-tiap ahli Falsafah mencari hakikat kenyataan yang terakhir. Sebahagian menemukan pecahan-pecahan dari hakikat ini, yang menimbulkan beberapa aliran yang saling bertentangan.

Lain bahagian percaya, bahawa semua kejadian dan peristiwa mempunyai pokok pangkalnya pada Tuhan.

Saya tidak akan menghuraikan pendapat-pendapat dari golongan yang pertama.

Untuk menguraikan pendapat-pendapat dari golongan yang

kedua, saya mulai dengan pendapat-pendapat dari ahli-ahli falsafah bangsa Hindu (lalu dihuraikannya dengan lanjut, kemudian berkata – P):

Sebelum saya lebih lanjut menghuraikan pendapat-pendapat dari ahli-ahli falsafah tentang Tuhan, lebih dahulu saya huraikan falsafah tentang kenyataan atau keadaan.

Menurut Oospensy, yang dinamakan kenyataan atau keadaan ialah sesuatu yang mempunyai pekerjaan, kekuatan dan menjadi sebab adanya lain kenyataan atau keadaan.

Kenyataan atau keadaan terbahagi dalam dua jenis:

1. Kenyataan yang dapat disaksikan dengan pancaindera.
2. Kenyataan yang ada di luar kuasa pancaindera, iaitu roh, kuasa dan Tuhan.

Tuhan yang Maha Kuasa ialah Pencipta segala yang ada. Tidak ada tenaga yang tidak berasal dari Tuhan.

(Seperti yang tersimpul di dalam kalimah – P):

*Lā hawla wa lā quwwata illā billāhi al-‘aliyyu al-‘azīm.* (Tiada daya dan tiada upaya melainkan dengan Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Besar – P.)

Tuhan sebagai kenyataan yang *Metaphysis* lagi mutlak, sebab pertama dari segala keadaan dan peristiwa tidak mungkin dapat ditentang.

Lebih banyak, Tuhan ditentang atau diingkarkan, lebih banyak pula Tuhan melihatkan kekuatan dan kekuasaan-Nya.

Pada zaman purba, Tuhan pernah ditentang oleh umat manusia dan ia melihatkan kekuasaan-Nya dengan berbagai-bagai bencana alam, di antaranya air bah yang telah mengaramkan sebahagian besar dari dunia, kemudian ditunda dengan penenggelaman benua atlantik ke dalam lautan.

Zaman moden seperti sekarang ini pun tidak bebas daripada golongan umat manusia yang menentang Tuhan.

Saya yakin, bahawa terhadap golongan-golongan ini, Tuhan akan melihatkan kekuasaan-Nya, bukan dengan bencana alam seperti dalam zaman purba, akan tetapi dengan alat-alat moden

yang disediakan olehnya dengan saluran otak manusia.

Ilmu membuat atom dan *hydrogen bomb*, berasal dari ilmu Tuhan, dan alat senjata ini sudah tentu akan dijatuhkan di tengah-tengah mereka yang menentang Tuhan, mengingkarkan Tuhan.

Berhubung dengan ini, maka *Atheism* (faham tidak bertuhan – P.) ialah suatu kebodohan yang tak ada taranya. Demikian kata Voltaire (Voltaire) yang pada mulanya dia seorang Ateis, (tidak percaya kepada Tuhan – P.) dan kemudiannya dia memeluk agama Roman Katolik.

Plato (427-347 S.M.) mengatakan, bahawa pada waktu keadaan diciptakan akallah berkedudukan tinggi dan alam yang penuh dengan cita-cita ialah dunia cita-cita yang tidak dapat berubah, sedangkan yang dapat menyaksikan dunia cita-cita ini hanyalah roh.

Aristoteles (384-322 S.M.) mencapai tingkatan faham atau pengertian tentang Tuhan dengan mempergunakan bahan-bahan yang tersendiri baginya dan pandangan yang menjauhkan perasaan, bahawa Tuhan tidak dapat ditangkap oleh fikiran manusia. Ia menerangkan sebagai berikut:

Gerakan menurut ertinya, ialah memperbuatkan kemungkinan. Untuk ini diperlukan sesuatu yang menggerakkan, dari luar atau dari dalam, yang mendorong sesuatu supaya bergerak atau tinggal bergerak (berbuat).

Gerakan berlangsung menurut tiga sebab:

1. Gerakan yang sebabnya datang dari luar, misalnya apabila kita menggerakkan sesuatu.
2. Gerakan asli, misalnya jatuhnya sesuatu yang berat ke tanah.
3. Gerakan yang sebabnya datang dari dalam. Pada ini, sebab yang menggerakkan – seperti pada manusia yang berbuat dan berfikir bebas – sentiasa masih berhubung dengan keadaan di luar yang menjadi sebab penggerak.

Misalnya: Kita menggerakkan barang sesuatu, maka

tangan kita yang menggerakkan sesuatu itu digerakkan oleh otak, dan otak digerakkan oleh kesan pancaindera yang menjadi anasir fikiran. Pancaindera digerakkan oleh perangsang-perangsang dari luar dan perangsang-perangsang ini asal dari pangkal-pangkal yang oleh kerana rentetan sebab-sebab (sebab-sebab yang bertali dan sambung menyambung – P) penggerak ini tak dapat tidak di akhirnya, maka dengan sendirinya harus ada sebab penggerak yang pertama....

Penggerak pertama ialah *energie* semata-mata (*actus purus*). *Actus purus* hanyalah fikiran. Bukan fikiran manusia yang berisi gambaran dari kenyataan-kenyataan di dalam alam; akan tetapi fikiran yang mengandungi dirinya sendiri, fikiran dari fikiran, kesedaran semata-mata, roh yang mutlak. Penggerak pertama ialah Tuhan.

Augustinus (430-354) mengatakan bahawa manusia mempunyai pengetahuan yang berawal di dalam pancaindera, yang menangkap kesan dari semua keadaan dan peristiwa. Kemudian kesan ini dihantarkan ke otak yang memikirkan kesan itu. Apabila fikiran tentang kesan ini tidak benar, maka ini bukan bererti, bahawa kesalahan tidak terletak di dalam jiwa yang memikirkan kesan itu.

Bagaimana kita dapat mengatur kesan itu?

Menurut Augustinus yang mengatur kesan-kesan tadi ialah pancaindera batin kita. Pancaindera batin ada lagi sesuatu yang dinamakan *ratio* dan *Buddhi* (akal – P) yang memikirkan lebih lanjut kesan-kesan yang diterima oleh pancaindera batin (*Sensus interior*).

*Buddhi* ialah bahagian tubuh manusia yang tertinggi. Apakah di atas budi masih ada sesuatu? Kita harus mengakui adanya kemungkinan ini; oleh kerana kebenaran yang tetap dan tidak berubah-ubah serta diketahui oleh umum ialah faham-faham *Mathematic* (ilmu hisab – P) itu tidak datang dari pancaindera. Lain dari itu anggapan tentang yang Maha Tinggi (kepercayaan kepada Tuhan

– P). Menjadi milik sebahagian besar dari umat manusia. Anggapan tentang faham-faham *Mathematic* yang kekal dan tak berubah-ubah serta anggapan tentang yang Maha Tinggi, ini semuanya ada di atas *Buddhi*, ialah kebenaran sendiri yang dicetak oleh tiap-tiap orang (oleh kerana tidak seorang pun yang tidak cinta kepada kebenaran), yang memberi kebahagiaan kepada siapa yang memandangnya. Augustinus menamakannya hikmah.

Kenyataan ini, yang ada di atas *Buddhi*, yang tak berubah dan kekal, adakah itu Tuhan?

Itulah Tuhan apabila tiada lagi zat di atas-Nya. Augustinus berkesimpulan: baik hikmah yang mengatasi *Buddhi* mahupun hikmah sendiri yang tertinggi, pasti dengan ini adanya Tuhan dapat dibuktikan terhadap *Buddhi*.

Adanya Tuhan menurut Thomas Abaquino (1274 – 1225) dapat dibuktikan:

1. Sebagai “sebab pertama” daripada semua gerakan; kenyataan gerakan menghendaki penggerak yang tidak bergerak.
2. Sebagai “sebab pertama daripada semua peristiwa dan keadaan; rentetan daripada sebab-sebab yang diperbuat menghendaki sebab pertama.
3. Sebagai dasar yang wajib dari semua kemungkinan; rentetan daripada kejadian-kejadian harus mempunyai permulaannya dalam zat yang wajib ada di dalam dirinya sendiri.
4. Sebagai sebab yang sempurna dari semua kesempurnaan; kenyataan-kenyataan dibeza-bezakan menurut kesempurnaannya. Oleh kerana itulah harus ada zat yang mempunyai tingkah kesempurnaan yang tertinggi dan menjadi sebab daripada kesempurnaan dan kenyataan dari semua kenyataan.

Sambungan pada muka 38

# Tuhan Yang Maha Esa

## Sambungan dari muka 14

5. Sebagai sebab daripada faedah semua kenyataan; keadaan dalam alam yang tidak mempunyai kesedaran bekerja dengan tujuan. Hal ini hanya mungkin, apabila semua diurus oleh zat yang sedar, yang menjadi tujuan daripada semua isi alam.

Rene Descartes (1596 – 1650) mengatakan bahawa cita (Idee) di dalam sukma kita tentang Tuhan digambarkan sebagai zat yang sempurna, yang tidak kurang nyatanya daripada kenyataan dari isi gambaran.

Cita ini tidak dibentuk oleh kita sendiri, akan tetapi kekuasaan untuk menggambarkan suatu zat yang lebih sempurna daripada kita, harus datang dari sesuatu yang lebih sempurna daripada kita.

Sukma kita tidak meningkat dari dunia yang terbatas ke arah zat yang tak terbatas, akan tetapi sebaliknya; zat yang tak terbatas itu harus menanam anggapan tentang kesempurnaan-Nya di dalam sukma kita, hingga kita menerima kekuasaan untuk membandingkan yang terbatas dan tidak sempurna itu dengan yang tak terbatas akan tetapi sempurna itu, serta mengetahuinya.

Spinoza (1632- 1677) berpendapat, bahawa hanya ada satu zat ialah Tuhan.

Tuhan ialah sebab bagi semua yang ada, ialah sebab pertama yang mutlak. Zat ini tidak mempunyai batas banyaknya. Bagi Spinoza hanya diketahui dua sifat ialah keluasan dan fikiran, ialah kesedaran.

## Falsafah Islam

Falsafah Islam mengenai Tuhan adalah sebagai berikut: pengetahuan tentang Tuhan, datang atau terjadi

dari pengetahuan sifat-sifat-Nya. Satu daripada sifat-sifat-Nya ialah adanya Tuhan. Kita mengetahui adanya Tuhan oleh kerana kita melihat kekuasaan-Nya, ialah keadaan-keadaan di dalam dunia yang diciptakan, iaitu kenyataan-kenyataan yang diadakan oleh-Nya, langit dan dunia serta semua isinya. Alam yang indah, tertib dan kepandaian ini mestilah ada mempunyai penciptanya; manusia menentukan adanya zat Tuhan oleh kerana melihat ciptaan yang menunjukkan pandai dan bijaksana-Nya (Tuhan 'Azza wa Jalla – P).

## Pandangan Tabii Tentang Tuhan

Oleh kerana, menurut Spinoza, hanya ada satu zat yang menjadi sebab adanya semua yang ada, maka adanya Tuhan mestilah dapat dibuktikan dengan meningkatkan kembali semua kenyataan ke arah Tuhan iaitu mengembalikan kenyataan-kenyataan kepada asalnya.

Untuk maksud ini perlu kita mengadakan tinjauan tentang ruangan yang ditempati oleh tiap-tiap sesuatu dan zat yang menjadi bahan kejadian dari tiap-tiap sesuatu.

Lebih dahulu kita mengadakan tinjauan tentang ruangan.

Apabila kita mengadakan tinjauan tentangruangan, maka perlu dijelaskan ruangan mana yang dimaksudkan oleh kerana dalam ilmu pengetahuan pada dewasa ini diketahui beberapa ruangan.

Ada pun ruangan-ruangan yang jelas dapat dibeza-bezakan satu dari yang lain ialah sebagai berikut.

1. Ruangan sebagai hasil fikiran, ialah

Ruangan dari ilmu ukur.

Ruangan ini adanya hanya di dalam fikiran dari

mereka yang memikirkan dan segera lenyap apabila

tidak difikirkan lagi, kecuali jikalau

ruangan-ruangan yang difikirkan tadi difikirkan oleh

seorang ahli ilmu ukur lalu dijadikan

gambar-gambar isi buku ilmu ukur.

2. Ruang yang disaksikan, ialah ruang tempat

manusia hidup bekerja, bermain, tidur,

makan, mengadakan penyelidikan dan sebagainya.

Di dalam ruang ini kita melihat berbagai-bagai

keadaan yang kita saksikan dengan pertolongan

pancaindera dan menempati ruang sendiri.

Dengan lenyapnya pancaindera, kita mempunyai tiga

ukuran yang dimaksudkan tadi bagi kita.

Dengan pancaindera yang lengkap, kita dapat

meyakinkan, bahawa barang-barang yang ditangkap oleh

pancaindera kita mempunyai tiga ukuran.

3. Ruang alam ialah ruang dari ilmu alam

dan ilmu falak. Dalam ruang ini, semua

keadaan mengambil tempat dan bergerak atau dapat

digerakkan di dalam ruang umum yang sama bagi

semua orang. Ilmu bintang-bintang mempergunakan

ruang ini sebagai bahan-bahan penyelidikannya.

4. Ruang mutlak ialah ruang yang tetap tak dapat

digerakkan, ialah ruang yang tak mempunyai batas;

terhadap ruang ini semua keadaan menjadi

nisbi (nisbi atau relatif). Semua ruang

yang dapat disaksikan dinamakan ruang yang nisbi

suatu dimensi yang bergerak atau bahagian

yang bergerak atau bahagian dari ruang mutlak

yang dapat kita saksikan.

Tiap-tiap keadaan yang dapat kita saksikan menempati

ruang dibatasi oleh lain ruang. Meja, kerusi,

almari, orang, menempati ruangnya misalnya di dalam sebuah

bilik; dan ini semua dibatasi oleh ruang bilik

yang ada di kelilingnya, yang langsung berbatasan dengan permukaan

barang-barang tadi atau kulit orang itu. ruang bilik

selanjutnya dibatasi oleh tembok-tembok rumah yang juga

menempati ruang lagi di dalam halaman yang ada di kelilingnya.

Demikian seterusnya: halaman di dalam kota, kota di dalam

daerah, daerah di dalam pulau, pulau di dalam negara, negara

di dalam benua, benua di dalam dunia, dunia di dalam susunan

planet, susunan planet di dalam "Jalan Air

Susu" (melkweg) (Milky Way – P.)

"Jalan Air Susu" di dalam semesta alam

(Universum) (Universe – P.), dan semesta alam

di dalam ruang yang lebih besar lagi; demikian seterusnya

sampai tidak berakhir. Ringkasnya: tiap-tiap ruang

dibatasi oleh lain ruang dan jumlah semua ruang

itu tidak mempunyai batas, oleh kerana tiap-tiap ruang

dibatasi oleh lain ruang.

Sebagaimana yang telah diterangkan, tiap-tiap sesuatu

menempati ruang, pun Tuhan harus menempati ruang.

Dalam hal ini timbul pertanyaan: adakah ruang

yang tidak mempunyai batas tadi diisi sepenuhnya

oleh zat Tuhan, atautah hanya sebahagian? Sudah barang

tentu seluruhnya, tidak hanya sebahagian, oleh kerana

apabila tidak demikian, maka dengan sendirinya kita

harus menghadapi dua kenyataan: ruang dan Tuhan

atau tempat dan isi. Tempatnya ialah maha ruang dan

isinya adalah Tuhan. Pada erti isi melekat

kemungkinan isi ini dapat dikeluarkan dan

dimasukkan kembali di dalam tempatnya dan ini bererti

lebih lanjut, bahawa antara isi dan tempat masih ada

kelonggaran walau bagaimanapun kecilnya kelonggaran itu.

Jelasnya: tempat dan isi, maha ruang dan Tuhan

ialah dua kenyataan yang masing-masing mempunyai hadlirat

(hadhrat? – P.) sendiri.

Pada dua keadaan timbul pertanyaan: apa atau siapakah

yang lebih dahulu ada, maha ruang atautah Tuhan?

Larasnya ialah maha ruang lebih dahulu ada, oleh

kerana tiap-tiap sesuatu mesti menempati ruangan; apabila Tuhan lebih dahulu ada sebelum ada ruangan, maka dengan sendirinya kita bertanya: di mana bertakhta Tuhan, jika belum ada tempat bagi-Nya? Akan tetapi apabila maha ruangan lebih dahulu ada, maka timbul pertanyaan: Siapakah yang mengadakan maha ruangan ini selain daripada Tuhan?

Kalaulah maha ruangan dan Tuhan pada satu ketika bersama-sama ada sebagai keadaan yang terbatas, kemudian melebarkan ruangan itu sampai tak terbatas, maka sangkaan demikian, juga tidak mungkin, kerana telah ditetapkan, bahawa tiap-tiap ruangan yang terbatas mestinya mempunyai batas-batas lain ruangan; dan ruangan yang lain ini: siapa yang mengadakan? Lain dari itu sangkaan itu memaksa kita menganggap, bahawa Tuhan pada permulaan-Nya terbatas dan oleh itu berbentuk; pun ini tidak mungkin, lain daripada menurut kepercayaan dari semua agama besar menentukan bahawa Tuhan tidak mempunyai awal dan akhir, baik di dalam waktu mau pun di dalam tempat, tidak mempunyai bentuk dan rupa dan sebagainya, juga menurut mantik dan pandangan tabii kita akan jatuh kembali di dalam menungan, kemudian pertanyaan: siapakah yang mengadakan ruangan yang memberi tempat bagi ruangan serta Tuhan yang terbatas tadi?

Di dalam maha ruangan kedapatan semua ciptaan Tuhan.

Ciptaan Tuhan yang masih masuk lingkungan manusia, dan oleh kerana itu masih dapat disaksikan oleh manusia, akan tetapi baginya merupakan sesuatu yang terbesar, ialah semesta alam.

[Demikian khulasah huraian Dr Priyana tentang “Tuhan yang Maha Esa” menurut ahli falsafah Timur dan Barat yang kita petik dari majalah “Hikmah” Jakarta. Masalah ini dapat difahamkan engan lebih jelas di dalam makalah yang kedua yang akan kita sajikan dalam bilangan Qalam keluaran yang akan datang – P.Q.].

## KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA IKHWAN

### Sambungan dari muka 37

Saudara-saudara anggota Ikhwan, sebab itulah apabila menghadapi sesuatu kesulitan, bertenanglah dan serahkan perkara itu kepada kebijaksanaan Allah dan serahkanlah takdirnya kepada kekuasaan Allah janganlah kita bersakit-sakit fikiran. Kita diwajibkan berikhtiar dan berdaya upaya menjauhkan segala sesuatu itu sedangkan kesan dan kesudahannya bukanlah daripada kekuasaan kita.

Ingatlah! Bagaimana Nabi-nabi dan Rasul-rasul yang telah lalu yang telah diriwayatkan penderitaan dan penanggungan mereka itu menghadapi segala percubaan hidup yang didatangkan oleh Allāh *subhānahu wa Ta‘ālā* untuk menguji keimanan dan ketabahan hati mereka. Tidak sunyi percubaan itu meliputi pula keadaan hidup Junjungan kita Muhammad (SAW) oleh itu jika ada sesuatu percubaan yang menimpa diri saudara-saudara maka ingatlah dan perbandingkanlah berapa besar penderitaan itu jika dibandingkan dengan penderitaan-penderitaan yang ditanggung oleh nabi-nabi yang dahulu-dahulu, orang-orang salih, dan ulama-ulama yang mempertahankan keyakinan dan kepercayaannya.

Dalam keluaran yang akan datang akan kami sambung lagi rencana ini mengikut aliran ayatnya.

---

Sudah terbit!

Cetak kedua!

## Bilal

Tukang Bang Rasulullah

Riwayat hidupnya yang lengkap dari kecil hingga wafatnya dalam usia 70 tahun.

Senaskhah \$1.00 post 10 sen.

Pintalah kepada penerbitnya, Qalam, Singapura.

---